

# Bangunkan tanah wakaf – PM

UM-9/6/2007

Oleh FAUZI JAAFAR  
dan NIZAM YATIM

**KUALA LUMPUR** 8 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan Majlis Fatwa mencari pendekatan sesuai untuk membolehkan tanah wakaf umat Islam dibangunkan secara komersial tanpa mengetepikan kehendak syariat.

Menurut Perdana Menteri, walaupun terdapat wasiat yang menyukarkan tanah wakaf dibangunkan, ajaran Islam masih boleh diperluaskan dari segi maksud dan makna serta kehendak agama dalam membangunkan ekonomi Islam dan menghapuskan kemiskinan.

Beliau berkata, kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM250 juta bagi membangunkan tanah wakaf di seluruh negara seluas 36,000 hektar.

“Saya percaya pihak Majlis Fatwa boleh mengkaji atau mempertimbangkan masalah (wasiat) itu dan mengeluarkan fatwa yang boleh menjadi petunjuk bagaimana tanah wakaf boleh digunakan walaupun ada syarat-syarat tertentu pada tanah wakaf,” katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Tanah Wakaf di Lot 168/169 Jalan Perak di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin; Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Zainol Mahmood; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Datuk Che Mat Che Ali serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Ketika menjelaskan masalah dalam pembangunan tanah wakaf, Perdana Menteri berkata, terdapat wasiat yang hanya menetapkan tanah wakaf dibangunkan untuk pembinaan masjid dan surau.

“Jadi, tidak bolehkah dibina masjid dan bangunan lain di tanah yang sama untuk mendapatkan faedah kewangan bagi pentadbiran masjid dan untuk keperluan amal jariah orang Islam di kawasan itu?” tanya beliau.

Bagi tanah wakaf yang kecil, Perdana Menteri mencadangkan dibina bangunan yang menempatkan masjid atau surau di



**ABDULLAH** Ahmad Badawi berjabat tangan dengan kakitangan kerajaan selepas menyampaikan sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di Putrajaya, semalam.

tingkat atas dan di bawah pula digunakan untuk tujuan komersial seperti lot-lot perniagaan.

“Inilah perkara yang perlu diperhalusi supaya tanah wakaf yang ada dapatlah dibangunkan, ditambah nilai dengan menjadikan ia benar-benar berfaedah dan bermanfaat kepada orang Islam yang memerlukan bangunan yang boleh mendatangkan hasil.

“Jika usaha ini dapat dijayakan, ia akan benar-benar membantu memajukan ekonomi orang Islam dengan tidak mengetepikan ibadah Islam,” ujar Perda-

na Menteri.

Abdullah juga berharap majlis agama negeri-negeri dapat membangunkan tanah wakaf demi kepentingan orang Islam.

“Usaha Lembaga Tabung Haji, MAIWP, Bank Islam Malaysia Bhd. dan TH Technologies Sdn. Bhd. yang bergabung tenaga membina bangunan menara setinggi 34 tingkat ini patut dipuji dan diikuti,” katanya.

Justeru, Perdana Menteri mahukan lebih banyak lagi bangunan mercu tanda orang Islam dibangunkan di atas tanah

wakaf.

Dalam pada itu, beliau turut mengingatkan kontraktor yang terlibat dalam pembangunan tanah wakaf itu supaya dapat menyiapkan bangunan tersebut pada tahun 2010.

“Kita harap kontraktor dapat siapkan bangunan, jangan ter bengkalai di tengah jalan... nanti malu kita. Tahun 2010 mesti siap.

“Saya sentiasa menekankan perkara ini. Projek yang dijalankan mesti dipantau sepanjang masa sehingga ia siap sepenuhnya,” tegas beliau.